

## TRAGEDI KEBAKARAN SG LONG &amp; TANJUNG SEPAT

# Korban kebakaran awal pagi

Empat warga emas, warden maut dalam kejadian di pusat jagaan orang tua

AHMAD ISMADI ISMAIL

**KAJANG** - Empat warga emas dan seorang warden maut dalam kejadian kebakaran di sebuah pusat jagaan orang tua di Sungai Long di sini, pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kajang bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 5.06 pagi.

"Dua pegawai dan 13 anggota terlibat dalam operasi pemadaman. Sebaik tiba di lokasi, kami dapati api marak di rumah banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan orang tua itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut, em-

pat mangsa didapati terperangkap namun ditemui selamat. Seorang daripadanya dihantar ke hospital kerana mengalami sesak nafas," katanya.

Beliau berkata, empat mangsa maut ditemui di tingkat bawah rumah, manakala warden yang bertindak sebagai penjaga warga emas ditemui di tingkat atas. Kesemua mangsa ditemui antara jam 6.05 pagi hingga 7.07 pagi.

Warga emas yang maut dikenali sebagai Leow Chong Fatt, Teo Hoi Foo, Kuan Sak Seen dan Lai Sew Yin. Kesemua mereka berusia lingkungan 60 tahun.

"Manakala warden yang turut terkorban dalam kebakaran itu dikenali sebagai Awis Muhammad, 28. Punca kejadian dan kerugian masih dalam siasatan," katanya.



Keadaan pusat jagaan orang tua di Sungai Long selepas insiden kebakaran yang mengorbankan lima mangsa, pagi semalam.

## Tahu berita nenek maut daripada media



Waris mangsa kelihatan sugu ketika melihat keadaan pusat jagaan orang tua yang terbakar, semalam.

**SEORANG** lelaki terkejut apabila mengetahui neneknya antara mangsa yang maut dalam insiden kebakaran meragut nyawa empat warga emas dan seorang warden di rumah banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan orang tua di Sg Long awal pagi semalam.

Micheal Yee, 40, cucu kepada Tee Hoi Foo, 83, hanya mengetahui kejadian malang tersebut melalui media kira-kira jam 12 tengah hari, 7 jam selepas kejadian.

Menurutnya, kali terakhir dia bertemu dengan neneknya pada dua bulan lalu.

"Nenek dihantar ke sini selepas menjalani rawatan jantung bagi mendapatkan penjagaan yang lebih baik selepas keluar dari hospital.

"Nenek perlu penjagaan rapi tapi anak-anak semua

berkerja. Jadi semua sepatat hantarnya ke sini bagi pantau kesihatan dan makan minumannya tapi tak sangka jadi macam ni.

"Sebelum ini, nenek duduk di rumah anak-anaknya secara bergilir-gilir di Singapura, Johor dan Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui di lokasi, semalam.

Micheal berkata, kehilangan mangsa dirasai keluarga disebabkan hubungan kekeluargaan rapat, selain dirinya sangat rapat dengan warga emas itu.

"Saya tidak tahu pusat jagaan ini tidak berdaftar kerana ia banyak cawangan.

"Saya serahkan kepada keluarga untuk tindakan lanjut, namun harap siasatan mengenai kejadian dilakukan secara terperinci kerana

melibatkan kehilangan nyawa.

Sementara itu, seorang saksi, Madam Ho, 60, berkata, dia mendapat tahu kejadian daripada pengawal keselamatan yang memaklumkan penduduk berhampiran.

"Kejadian berlaku kira-kira jam 5 pagi. Saya hubungi bomba, masa tu api tak besar tapi bila bomba sampai api dah mula marak.

"Penduduk tak boleh nak buat apa-apa sebab api yang marak. Saya nampak pekerja dan seorang yang terselamat keluar tak alami sebarang kecederaan," katanya.

Madam Ho memberitahu, rumah tersebut sebelum ini tidak dihuni sejak dua tahun lalu, sebelum dijadikan rumah penjagaan warga emas dua bulan lalu.

## Pusat jagaan orang tua dipercayai tiada permit: MPKJ

**RUMAH** banglo dua tingkat dijadikan pusat jagaan orang tua di Sungai Long, Kajang, yang terbakar, pagi semalam, dipercayai tidak memiliki permit Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Ahli Majlis MPKJ, Lai Wa Chong berkata, pihaknya telah membuat semakan rekod dan mendapati, pemilik pusat jagaan terbabit dipercayai tidak pernah memohon permit untuk menjalankan operasi.

"Mengikut prosedur, pusat jagaan orang tua swasta memerlukan permit untuk beroperasi. Bagaimanapun, pihak kami tidak menerima sebarang permohonan daripada pemilik pusat jagaan yang dilaporkan terbakar pagi tadi (semalam).



WA CHONG

"Setakat ini, kami masih tunggu laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sama ada pemilik pusat jagaan itu ada merujuk perkara terbabit kepada agensi tersebut atau tidak," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff berkata, berdasarkan maklumat awal, pemilik pusat jagaan itu dipercayai war-

gus Pakistan.

"Kami masih siasat sama ada premis ini ada kebenaran JKM dan pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi.

"Berdasarkan maklumat awal, pusat jagaan itu beroperasi sejak dua bulan lalu dan disewa RM6,000 sebulan," katanya.

JOM SOLAT		Rapatkan Saf, Teluskan Nioi, Tulus Beribadah					
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
PERLIS	5:58	7:21	1:15	4:36	7:07	8:22	
ALOR SETAR	5:58	7:19	1:16	4:37	7:08	8:23	
PULAU PINANG	5:57	7:17	1:15	4:37	7:09	8:24	
IPOH	5:53	7:13	1:13	4:36	7:08	8:23	
KOTA BHARU	5:54	7:13	1:08	4:29	7:00	8:11	
KUALA TERENGGANU	5:45	7:08	1:04	4:26	6:58	8:13	
KUANTAN	5:42	7:03	1:05	4:28	7:02	8:17	
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:49	7:09	1:11	4:33	7:07	8:22	
SHAH ALAM	5:49	7:09	1:11	4:33	7:07	8:22	
SEREMBAN	5:45	7:08	1:09	4:32	7:07	8:22	
BANDAR MELAKA	5:44	7:07	1:08	4:32	7:07	8:21	
JOHOR BAHRU	5:37	6:59	1:02	4:26	7:02	8:17	

KHAMIS • 14 DISEMBER 2017 • 25 RABIULAWAL 1439